Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 11/5/2017 | MUKA SURAT | : | 15 |
| JABATAN | : | PERHILITAN / JPS / BANJIR | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

PKGK Kuala Gandah ditutup sementara selepas alami kerosakan teruk

# Siasat segera punca banjir

Oleh GHAZALI ALIAS

TEMERLOH – Kejadian banjir yang melanda Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah di sini mengejutkan banyak pihak yang mahu siasatan terperinci mengenai puncanya dilakukan segera.



Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin **(gambar kecil)** berkata, sebelum ini Kuala Gandah tidak pernah banjir walaupun berlaku bah besar pada 1971, 2007 dan 2014.

"Saya berharap pihak berkenaan khususnya Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran dapat mengenal pasti puncanya," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.


Terpaksa dipindahkan selepas PKGK dinaiki air awal pagi semalam
Enam anak gajah mangsa banjir

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, 17 keluarga di daerah ini dan Kuala Krau dipindahkan akibat banjir yang berpunca daripada limpahan Sungai Teris.

Kejadian itu turut mengakibatkan enam ekor anak gajah di PKGK terperangkap sebelum dipindahkan ke kawasan selamat.

Sementara itu, Ketua Unit Gajah PKGK, Nasaruddin Othman berkata, premis itu ditutup buat sementara waktu kepada orang ramai selepas mengalami kerosakan teruk akibat banjir.

Bagaimanapun, enam ekor anak gajah yang dipindahkan akibat bencana itu kelmarin dilaporkan selamat di penempatan sementara di kawasan atas bukit.



**KAKITANGAN PKGK memindahkan seekor anak gajah ke tempat selamat.**



**KEADAAN laluan pejalan kaki yang dipenuhi lumpur selepas banjir kilat di PKGK Kuala Gandah yang terjejas akibat banjir kilat di Temerloh semalam.**

Katanya, meskipun air sudah mulai surut, kesemua anak gajah tersebut belum boleh dikembalikan ke tempat asalnya sebagai langkah berjaga-jaga.